



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

OUTWARD FATS

STATISTIK *AFFILIATE* MALAYSIA DI LUAR NEGERI
STATISTICS ON MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD

2023



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK AFFILIATE MALAYSIA DI LUAR NEGERI

STATISTICS ON MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD

OUTWARD FATS 2023

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by* :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram / Youtube	:	statsmalaysia
Emel / <i>Email</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM20.00

Diterbitkan pada September 2025 / *Published in September 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2600-7150

KATA PENGANTAR

Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri bagi tahun 2023 menyediakan maklumat berkaitan bilangan *affiliate*, perolehan, bilangan pekerja, pampasan pekerja dan aset mengikut jenis aktiviti ekonomi dan negara.

Penyusunan statistik *affiliate* Malaysia di luar negeri ini adalah berdasarkan garis panduan yang disarankan dalam *Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010, United Nations dan Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)*. Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan membantu merancang pembangunan perniagaan.

Ringkasan penemuan dan jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian pertama dan kedua penerbitan ini. Sementara itu, bagi memudahkan lagi kefahaman, nota teknikal yang merangkumi skop, liputan, konsep dan definisi dimuatkan pada bahagian ketiga.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

September 2025



PREFACE

Statistics on Malaysian Affiliates Abroad for the year 2023 provide information on the number of affiliates, turnover, number of employees, compensation of employees and assets by kind of economic activities and countries.

The compilation of Malaysian affiliates abroad statistics is based on the guidelines recommended in Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010 of United Nations and Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6). This statistics could assist government agencies, economists, academicians as well as individuals for planning and policy formulations, economic analysis, projections and for business development planning.

Summary of findings and statistical tables are highlighted in the first two parts of this publication. Meanwhile, to facilitate better understanding, technical notes relating to the scope and coverage, concepts and definitions are provided in the third part.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges all parties concerned who have contributed in making this publication a success. All comments and suggestion towards improving future publications are appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

September 2025



ISI KANDUNGAN | CONTENTS


i	Kata Pengantar <i>Preface</i>
1	Penemuan Utama <i>Main Findings</i>
3	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>
15	Artikel <i>Article</i>
29	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>
30	Statistik Utama Affiliate Malaysia di Luar Negeri mengikut Aktiviti Ekonomi, 2017-2023 <i>Principal Statistics of Malaysian Affiliates Abroad by Economic Activities, 2017-2023</i>
33	Statistik Utama Affiliate Malaysia di Luar Negeri mengikut Negara, 2017-2023 <i>Principal Statistics of Malaysian Affiliates Abroad by Country, 2017-2023</i>
39	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>
49	Kod dan Klasifikasi <i>Code and Classification</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



STATISTIK *AFFILIATE* MALAYSIA DI LUAR NEGERI 2023

"Perolehan *affiliate* Malaysia di luar negeri meningkat **0.7%** kepada **RM343.3 bilion**"



Statistik Utama

Bilangan *Affiliate*

2,404

2022: 2,360

Bilangan Pekerja

437,484 orang

2022: 417,012 orang

Pampasan Pekerja

RM25.5 bilion

2022: RM25.1 bilion

Perolehan mengikut Sektor Utama

Perkhidmatan

RM229.6b | 66.9%

2022: RM231.6b | 67.8%

Pembuatan

RM61.9b | 18.0%

2022: RM58.3b | 17.2%

Perlombongan & Pengkuarian

RM29.6b | 8.6%

2022: RM29.3b | 8.6%

Perolehan mengikut Negara Utama



Singapura

RM55.8b | 16.2%

2022: RM48.1b | 14.1%



Australia

RM54.7b | 15.9%

2022: 11.1b | -42.5%



Thailand

RM39.9b | 11.6%

2022: RM13.2b | 30.9%



Indonesia

RM39.4b | 11.5%

2022: RM48.6b | 14.3%



Netherlands

RM27.7b | 8.1%

2022: RM8.8b | -17.1%

Nota:

- b merujuk kepada bilion.
- % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan.
- Sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

Sumber: Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025



MALAYSIA
MADANI



ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA



KOMPAS
PELITANG
DI DUNIA




SDG
2016 - 2030



STATISTICS ON MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD 2023

"Turnover of Malaysian affiliates abroad increased by **0.7%** to **RM343.3 billion**"



Main Statistics

Number of Affiliates



2,404

2022: 2,360

Number of Employees



437,484 persons

2022: 417,012 persons

Compensation of Employees



RM25.5 billion

2022: RM25.1 billion

Turnover by Major Sectors

Services



RM229.6b | 66.9%

2022: RM231.6b | 67.8%

Manufacturing



RM61.9b | 18.0%

2022: RM58.3b | 17.2%

Mining & Quarrying



RM29.6b | 8.6%

2022: RM29.3b | 8.6%

Turnover by Major Countries



Singapore

RM55.8b | 16.2%

2022: RM48.1b | 14.1%



Australia

RM54.7b | 15.9%

2022: 11.1b | -42.5%



Thailand

RM39.9b | 11.6%

2022: RM13.2b | 30.9%



Indonesia

RM39.4b | 11.5%

2022: RM48.6b | 14.3%



Netherlands

RM27.7b | 8.1%

2022: RM8.8b | -17.1%

Note:

- b refers to billion.
- % refers share to total.
- Any differences in the aggregated data are due to rounding.

Source: Statistics on Malaysian Affiliates Abroad,
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



PRESTASI *AFFILIATE* MALAYSIA DI LUAR NEGERI


Pengenalan

Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri memperincikan prestasi aktiviti *affiliate* yang dikawal oleh syarikat Malaysia dengan pegangan ekuiti melebihi 50 peratus. Data ini memberikan gambaran tentang kesan ekonomi daripada pelaburan Malaysia di luar negeri. Selain itu, pengukuran kewujudan komersial *affiliate* dalam pasaran antarabangsa adalah berdasarkan statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa, khususnya melalui *mode of supply* yang ketiga (*Mode 3*).


AFFILIATE MALAYSIA DI LUAR NEGERI MENGIKUT SEKTOR

Bilangan *Affiliate*

Pada tahun 2023, Malaysia merekodkan sebanyak 2,404 *affiliate* luar negeri, iaitu peningkatan sebanyak 1.9 peratus berbanding 2,360 *affiliate* pada 2022 (**Carta 1**). Sektor Perkhidmatan mendominasi dengan 1,821 *affiliate* (75.8%), diikuti sektor Pembuatan dengan 308 *affiliate* (12.8%). Sementara itu, sektor Perlombongan dan Pengkuarian mencatatkan bilangan *affiliate* terendah iaitu sebanyak 79 *affiliate* (3.3%) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 1**.




Paparan 1: Sumbangan mengikut Sektor




Perolehan

Affiliate Malaysia di luar negeri menjana jumlah perolehan sebanyak RM343.3 bilion, mencatatkan peningkatan 0.7 peratus pada tahun 2023, berbanding RM341.0 bilion pada tahun 2022 (Carta 2). Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama dengan 66.9 peratus (RM229.6 bilion), diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 18.0 peratus (RM61.9 bilion). Sebaliknya sektor Pembinaan mencatatkan perolehan yang paling kecil berjumlah 1.7 peratus (RM5.9 bilion) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Sumbangan mengikut Sektor




Carta 2: Perolehan *Affiliate* di Luar Negeri, 2018 - 2023



Bilangan Pekerja

Affiliate Malaysia di luar negeri menggaji seramai 437,484 pekerja pada 2023 iaitu peningkatan sebanyak 4.9 peratus berbanding 2022 (417,012 pekerja), seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 3**. Sektor Pertanian merekodkan jumlah pekerja paling ramai iaitu 160,195 orang, diikuti Perkhidmatan (159,903 pekerja), dan Pembuatan (99,392 pekerja). Sementara itu, sektor Perlombongan dan pengkuarian mempunyai jumlah paling kecil iaitu 6,318 pekerja (**Paparan 3**).

Carta 3: Bilangan Pekerja *Affiliate* di Luar Negeri, 2018 – 2023



Paparan 3: Sumbangan mengikut Sektor

Pertanian



2023: 160,195 pekerja, (36.6%)
2022: 148,325 pekerja

Perkhidmatan



2023: 159,903 pekerja, (36.6%)
2022: 159,206 pekerja

Pembuatan



2023: 99,392 pekerja, (22.7%)
2022: 92,283 pekerja

Pembinaan



2023: 11,676 pekerja, (2.7%)
2022: 11,594 pekerja

Perlombongan & pengkuarian




2023: 6,318 pekerja, (1.4%)
2022: 5,604 pekerja

Pampasan Pekerja

Affiliate Malaysia luar negeri membayar pampasan pekerja sebanyak RM25.5 bilion pada tahun 2023, mewakili peningkatan sebanyak 1.6 peratus berbanding RM25.1 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 4**). Sektor Perkhidmatan menyumbang jumlah terbesar iaitu RM18.2 bilion (71.4%), diikuti oleh sektor Pembuatan dengan RM3.9 bilion (15.4%). Pada masa yang sama, sektor Pembinaan membayar pampasan paling rendah berjumlah RM0.6 bilion (2.5%), seperti digambarkan dalam **Paparan 4**.

Carta 4: Pampasan Pekerja *Affiliate* di Luar Negeri, 2018 – 2023



Paparan 4: Sumbangan mengikut Sektor



Perkhidmatan

2023: RM18.2b, (71.4%) | 2022: RM18.3b



Pembuatan

2023: RM3.9b, (15.4%) | 2022: RM3.7b



Pertanian

2023: RM1.4b, (5.4%) | 2022: RM1.3b



Perlombongan & pengkuarian

2023: RM1.3b, (5.2%) | 2022: RM1.2b




Pembinaan

2023: RM0.6b, (2.5%) | 2022: RM0.6b



AFFILIATE MALAYSIA DI LUAR NEGERI MENGIKUT RANTAU


Paparan 5: Bilangan *Affiliate* di Luar Negeri dan Perolehan mengikut Rantau, 2022 – 2023



Bilangan *Affiliate*

Asia merekodkan bilangan *affiliate* Malaysia yang tertinggi pada 2023 mewakili 68.8 peratus iaitu 1,654 *affiliate*. Amerika berada di tempat kedua dengan 265 *affiliate* (11.0%), manakala Eropah merekodkan 222 *affiliate* (9.2%) seperti dalam **Paparan 5**. Dari segi kedudukan mengikut negara, Singapura mencatat *affiliate* tertinggi iaitu 484, diikuti China (257) dan Indonesia (255) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 6**.

Paparan 6: Bilangan *Affiliate* di Luar Negeri mengikut Negara Utama, 2023



Perolehan

Affiliate Malaysia di Asia menjana perolehan tertinggi sebanyak RM198.8 bilion iaitu 57.9 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Eropah dengan 13.7 peratus (RM47.1 bilion), manakala Amerika menyumbang 9.6 peratus (RM32.9 bilion).

Singapura, Australia dan Thailand merupakan negara utama menyumbang kepada jumlah perolehan (Paparan 7).

Paparan 7: Perolehan *Affiliate* di Luar Negeri mengikut Negara Utama, 2023

				
Singapura RM55.8b	Australia RM54.7b	Thailand RM39.9b	Indonesia RM39.4b	Netherlands RM27.7b

Paparan 8: *Affiliate* di Luar Negeri mengikut Bilangan Pekerja dan Pampasan Pekerja, 2022 – 2023

Bilangan Pekerja, orang		Pampasan Pekerja, RM bilion	
2022	2023	2023	2022
329,941	345,168 (78.9%)	RM19.7b (77.3%)	RM16.7b
53,593	54,023 (12.3%)	RM1.4b (5.6%)	RM3.2b
19,237	19,371 (4.4%)	RM2.3b (9.2%)	RM3.0b
12,753	14,258 (3.3%)	RM1.6b (6.1%)	RM1.9b
1,489	4,664 (1.1%)	RM0.5b (1.8%)	RM0.2b

Bilangan Pekerja

Affiliate Malaysia di Asia menggaji seramai 345,168 orang, menyumbang 78.9 peratus daripada jumlah pekerja. Oceania merupakan kedua tertinggi dengan 12.3 peratus (54,023 pekerja), manakala Eropah dengan 4.4 peratus (19,371 pekerja).

Indonesia, China dan Viet Nam mencatatkan bilangan pekerja tertinggi, seperti ditunjukkan dalam **Paparan 9**.

Paparan 9: Bilangan Pekerja mengikut Negara Utama, 2023

				
Indonesia 156,086 pekerja	China 47,011 pekerja	Viet Nam 26,906 pekerja	Singapura 26,454 pekerja	Thailand 12,177 pekerja

Pampasan Pekerja

Jumlah pampasan pekerja tertinggi dicatatkan oleh *affiliate* di Asia bernilai RM19.7 bilion (77.3%). Seterusnya ialah Eropah dengan 9.2 peratus dan Amerika dengan 6.1 peratus.

Di kalangan negara-negara utama, *affiliate* di Indonesia membayar pampasan pekerja tertinggi iaitu RM4.6 bilion, diikuti Thailand (RM3.9 bilion) dan Singapura (RM2.0 bilion) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 10**.

Paparan 10: Pampasan Pekerja mengikut Negara Utama, 2023

				
Indonesia RM4.6b	Thailand RM3.9b	Singapura RM2.0b	Viet Nam RM1.8b	Hong Kong RM1.6b

PERFORMANCE OF MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD

Introduction

The Malaysian Affiliates Abroad Statistics outlines the performance of affiliates managed by Malaysian firms with more than 50 per cent ownership. These figures provide key insights into the economic effects of Malaysian overseas investments. Moreover, the assessment of the affiliates' commercial presence in international markets are based on the International Trade in Services (ITS) framework, specifically under supply mode three (Mode 3).

MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD BY SECTOR

Number of Affiliates

In 2023, Malaysia registered 2,404 overseas affiliates, an increase of 1.9 per cent compared with 2,360 affiliates in 2022 (**Chart 1**). The Services sector dominated with 1,821 affiliates (75.8%), followed by Manufacturing sector with 308 affiliates (12.8%). Meanwhile, Mining and quarrying recorded the lowest number of affiliates with a total of 79 affiliates (3.3%), as presented in **Exhibit 1**.

Chart 1: Number of Affiliates Abroad, 2018 – 2023





Exhibit 1: Share by Sector



Turnover

Malaysian affiliates abroad generated a total turnover of RM343.3 billion, reflecting a 0.7 per cent in 2023, rose from RM341.0 billion in 2022 (**Chart 2**). The Services sector was the main contributor with 66.9 per cent (RM229.6 billion), followed by Manufacturing sector with 18.0 per cent (RM61.9 billion). Conversely, the Construction sector registered the smallest turnover, totaling 1.7 per cent (RM5.9 billion), as depicted in **Exhibit 2**.

Exhibit 2: Share by Sector





Chart 2: Turnover of Affiliates Abroad, 2018 – 2023



Number of Employees

Malaysian affiliates abroad employed 437,484 employees in 2023 which rose by 4.9 per cent against 2022 (417,012 employees), as presented in **Chart 3**. The Agriculture sector employed the largest group with 160,195 employees, followed by Services (159,903 employees) and Manufacturing (99,392 employees). Meanwhile, the Mining and quarrying sector had the smallest workforce, with 6,318 employees (**Exhibit 3**).

Chart 3: Number of Employees Affiliates Abroad. 2018 – 2023




Exhibit 3: Share by Sector

Agriculture



2023: 160,195 employees, (36.6%)
2022: 148,325 employees

Services



2023: 159,903 employees, (36.6%)
2022: 159,206 employees

Manufacturing



2023: 99,392 employees, (22.7%)
2022: 92,283 employees

Construction



2023: 11,676 employees, (2.7%)
2022: 11,594 employees

Mining & quarrying



2023: 6,318 employees, (1.4%)
2022: 5,604 employees

Compensation of Employees

Malaysian affiliates abroad disbursed RM25.5 billion in employee compensation in 2023, representing an increase of 1.6 per cent from RM25.1 billion in previous year (**Chart 4**). The Services sector made the largest contribution at RM18.2 billion (71.4%), followed by Manufacturing sector with RM3.9 billion (15.4%).

On the other hand, the Construction sector paid the lowest compensation at RM0.6 billion (2.5%), as illustrated in **Exhibit 4**.

Chart 4: Compensation of Employees of Affiliates Abroad, 2018 – 2023




Exhibit 4: Share by Sector



Services

2023: RM18.2b, (71.4%) | 2022: RM18.3b



Manufacturing

2023: RM3.9b, (15.4%) | 2022: RM3.7b



Agriculture

2023: RM1.4b, (5.4%) | 2022: RM1.3b



Mining & quarrying

2023: RM1.3b, (5.2%) | 2022: RM1.2b




Construction

2023: RM0.6b, (2.5%) | 2022: RM0.6b



MALAYSIA'S AFFILIATES ABROAD BY REGION


Exhibit 5: Number of Affiliates Abroad and Turnover by Region, 2022 – 2023



Number of Affiliates

Asia registered the highest number of Malaysian affiliates in 2023, making up 68.8 per cent of the total with 1,654 affiliates. The Americas ranked second with 265 affiliates (11.0%), while Europe accounted for 222 affiliates (9.2%). In terms of ranking by country, Singapore had the largest number of affiliates at 484 followed by China (257) and Indonesia (255), as shown in **Exhibit 6**.

Exhibit 6: Number of Affiliates Abroad by Major Countries, 2023



Turnover


Malaysian affiliates in Asia generated the highest turnover at RM198.8 billion, representing 57.9 per cent of the total share. This was followed by Europe at 13.7 per cent (RM47.1 billion), while the Americas contributed 9.6 per cent (RM32.9 billion).

Singapore, Australia, and Thailand were the main countries contributing to total turnover (**Exhibit 7**).

Exhibit 7: Turnover of Affiliates Abroad by Major Countries, 2023

				
Singapore RM55.8b	Australia RM54.7b	Thailand RM39.9b	Indonesia RM39.4b	Netherlands RM27.7b

Exhibit 8: Affiliate Abroad by Numbers of Employees and Compensation of Employees, 2022 – 2023



Number of Employees

Malaysian affiliates in Asia hired 345,168 persons, contributing 78.9 per cent of total employment. Oceania ranked second with 12.3 per cent (54,023 employees), while Europe accounted for 4.4 per cent (19,371 employees).

Indonesia, China, and Viet Nam recorded the highest number of employees, as displayed in **Exhibit 9**.

Exhibit 9: Number of Employees by Major Countries, 2023

				
Indonesia 156,086 employees	China 47,011 employees	Viet Nam 26,906 employees	Singapore 26,454 employees	Thailand 12,177 employees

Compensation of Employees

The highest amount of compensation of employees was recorded by affiliates in Asia accounting for RM19.7 billion (77.3%). This was followed by Europe 9.2 per cent and the Americas at 6.1 per cent.

Among the major countries, affiliates in Indonesia paid the highest compensation of employees at RM4.6 billion, trailed by Thailand (RM3.9 billion) and Singapore (RM2.0 billion), as shown in **Exhibit 10**.

Exhibit 10: Compensation of Employees by Major Countries, 2023

				
Indonesia RM4.6b	Thailand RM3.9b	Singapore RM2.0b	Viet Nam RM1.8b	Hong Kong RM1.6b

OFATS 2023

Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri

Statistics on Malaysian Affiliates Abroad

ARTIKEL | ARTICLE



Affiliate Malaysia di Luar Negeri: Kajian mengenai Perspektif *Outward FATS*

'Amirah Nur Ahmad; A'in Aqilah Kamarulzaman; Azni Sharlina Zakaria
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

1.0 PENGENALAN

Globalisasi telah membuka ruang kepada syarikat untuk memulakan pengoperasian dan mengembangkan aktiviti perniagaan melepasi sempadan geografi negara. Syarikat Malaysia tidak terkecuali daripada merebut peluang ini di luar negara. Bermula tahun 1980-an, pembukaan syarikat milik negara di luar Malaysia telah diterokai secara berperingkat dengan sokongan kerajaan melalui dasar ekonomi yang bersesuaian dengan situasi ekonomi semasa. Pada ketika itu, Malaysia menguatkan hubungan dasar luarnya melalui kerjasama ekonomi dengan ASEAN, Negara-negara Sedang Membangun (NAM) dan Kerjasama Selatan-selatan. Antara usaha Malaysia dengan negara-negara ini adalah meneroka pasaran baru di negara-negara tersebut yang masih belum diterokai sepenuhnya serta mencipta peluang kepada agensi swasta Malaysia untuk membuat pelaburan di negara sasaran¹.

Salah satu syarikat milikan negara yang terkenal dalam penerokaan pasaran di luar negara adalah Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) yang mempunyai portfolio perniagaan di lebih 100 negara di dunia (*Petronas Integrated Report, 2023*). Antara negara yang terlibat adalah Oman, Indonesia, Sudan, Brazil dan Afrika Selatan. Penerokaan pasaran oleh PETRONAS melibatkan sektor perlombongan dan sektor perkhidmatan. Selain PETRONAS, Sime Darby Berhad juga merupakan antara syarikat konglomerat yang melebarkan perniagaan dan operasi di 17 buah negara terutamanya di rantau Asia Pasifik (Laporan Tahunan Sime Darby, 2023). Sime Darby menjadi jenama pilihan dunia dalam sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan terutamanya dalam bidang permotoran.

Penerokaan pasaran dan pencapaian oleh anak syarikat PETRONAS, Sime Darby dan lain-lain anak syarikat Malaysia di luar negara perlu diukur dari segi prestasi ekonomi. Bagi mengukur prestasi ekonomi dan impak pelaburan Malaysia, Statistik Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (*Malaysia's Direct Investment Abroad – DIA*) dan Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri (*Outward Foreign Affiliates Statistics – Outward FATS*) digunakan untuk lebih memahami pelaburan Malaysia dan perkembangan ekonomi affiliate Malaysia di luar negeri.

DIA merujuk kepada pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti dan dana pelaburan saham (termasuk perolehan yang dilabur semula) dan instrumen hutang (pinjaman antara syarikat, kredit perdagangan, kemudahan kredit, dan lain-lain) yang dilakukan oleh pelabur langsung Malaysia dalam enterpris pelaburan langsung di luar negeri. Pelabur langsung terdiri daripada entiti Malaysia, sama ada individu atau syarikat yang mempunyai kawalan terhadap syarikat tersebut, iaitu memiliki lebih daripada 50 peratus kuasa pengundian atau mempunyai kuasa mempengaruhi, antara 10 hingga 50 peratus kuasa pengundian dalam syarikat di luar negeri. Definisi dan skop *Outward FATS* pula akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam topik seterusnya.

Objektif kertas kajian ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan konsep dan penyusunan Statistik *Outward FATS* serta mengkaji trend data Statistik *Outward FATS* mengikut rantau terutamanya Rantau Asia dan Negara

¹ Hubungan Ekonomi Antarabangsa Periode Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir Mohamad: Suatu Kajian Komparatif.

ASEAN. Pendekatan perbincangan artikel ini adalah berdasarkan kaedah analisis kandungan dan kajian daripada pembacaan berkaitan manual dan artikel yang relevan dengan statistik ini serta pemerhatian terhadap data *Outward FATS* bermula tahun 2019 hingga 2023.

2.0 PERBINCANGAN

2.1 Konsep, Penyusunan dan Kepentingan Statistik *Outward FATS*

Berbanding anak syarikat Malaysia di luar negara yang lebih luas definisinya dalam perbincangan sebelum ini, perbincangan berkaitan Statistik *Outward FATS* adalah lebih khusus dan memberi fokus kepada prestasi aktiviti *affiliate* yang dikawal oleh syarikat Malaysia. *Affiliate* didefinisikan sebagai syarikat yang beroperasi di luar negara, yang dikawal oleh syarikat induk muktamad di Malaysia. *Affiliate* terdiri daripada sebuah cawangan, subsidiari atau syarikat usaha sama. Pegangan ekuiti oleh syarikat adalah melebihi 50 peratus.

Affiliate yang beroperasi di luar Malaysia boleh dimiliki sama ada oleh pelabur asing *immediate* atau/dan unit institusi kawalan muktamad (UCI). Pelabur asing *immediate* merupakan syarikat induk terhampir kepada *affiliate* tersebut, manakala UCI adalah syarikat induk teratas dalam struktur kumpulan syarikat. UCI tidak dimiliki secara majoriti oleh syarikat yang lain dan dianggap UCI kepada sesebuah *affiliate* apabila pemilikan ekuiti di dalam setiap syarikat di bawahnya adalah konsisten dan melebihi 50 peratus. UCI kepada sesebuah *affiliate* harus beroperasi di Malaysia.

Konsep dan penyusunan statistik *affiliate* Malaysia di luar negeri adalah berdasarkan garis panduan yang disarankan dalam *Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010*, *United Nations* dan *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)* yang diterbitkan *International Monetary Fund* (IMF).

Statistik *Outward FATS* mengukur kewujudan komersial *affiliate* dalam pasaran asing berdasarkan statistik Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa. Kewujudan komersial *affiliate* dalam pasaran asing merujuk kepada aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh *affiliate* di negara asing. Berdasarkan BPM6, komersial *affiliate* dalam pasaran asing merujuk kepada *mode of supply* yang ketiga (*Mode 3*).

Statistik ekonomi ini juga membantu agensi kerajaan, penyelidik dan ahli perniagaan untuk lebih memahami impak fenomena globalisasi dunia dalam perdagangan antarabangsa melalui data yang diterbitkan. Data *Outward FATS* merentasi negara juga digunakan sebagai asas untuk menilai kebergantungan ekonomi sesuatu negara terhadap ekonomi negara asing dan pengaruh *affiliate* terhadap negara tuan rumah. Contohnya, mereka dapat menilai perolehan yang dijana oleh *affiliate* Malaysia di Indonesia dan Singapura, mengenal pasti jumlah pekerja dan pampasan pekerja yang diperoleh oleh *affiliate* Malaysia di benua Amerika dan *Oceania* serta menganalisis aset yang dimiliki oleh *affiliate* Malaysia di Eropah.

2.2 Analisis Statistik *Outward FATS* Malaysia

Bagi Statistik *Outward FATS* yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), terdapat lima pembolehubah yang disediakan dalam penerbitan iaitu perolehan, pekerja, pampasan pekerja dan aset, selain bilangan *affiliate*. Setiap pembolehubah ini dianalisis mengikut lima sektor ekonomi iaitu pertanian, perlombongan & pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.

Bagi kertas ini, perbincangan akan memberi tumpuan kepada bilangan *affiliate* dan perolehan mengikut rantau dan negara ASEAN bagi tempoh lima tahun bermula 2019 hingga 2023.

a) Statistik *Outward FATS*: *Affiliate*

Jadual 1: Bilangan *Affiliate* mengikut Rantau, 2019-2023

Tahun	Rantau					Jumlah
	Asia	Amerika	Eropah	Oceania	Afrika	
2019	1,547	251	201	140	98	2,237
2020	1,567	263	207	170	71	2,278
2021	1,606	263	215	171	73	2,328
2022	1,651	251	219	141	98	2,360
2023	1,654	265	222	173	90	2,404

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Secara keseluruhannya, bilangan *affiliate* Malaysia di luar negeri menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2023. Semua rantau turut menunjukkan pertambahan *affiliate* pada tahun 2023 iaitu rantau Asia (1,654), Amerika (265), Eropah (222), Oceania (173) dan Afrika (90) berbanding tahun 2019 seperti dipaparkan di Jadual 1.

Affiliate Malaysia di Asia mewakili lebih daripada dua pertiga daripada jumlah keseluruhan *affiliate* Malaysia di luar negara. Perkara ini telah menunjukkan dominasi *affiliate* Malaysia di Asia bagi tempoh lima tahun berturut-turut. Pada tahun 2023, *affiliate* Malaysia di Asia merekodkan 1,654 *affiliate*, meningkat sebanyak 6.9 peratus berbanding 1,547 *affiliate* pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, bermula tahun 2022, berlaku penurunan bagi bilangan *affiliate* Malaysia di rantau Amerika dan Oceania, iaitu daripada 263 *affiliate* (2021) kepada 251 *affiliate* (2022) bagi rantau Amerika, dan daripada 171 *affiliate* (2021) kepada 141 *affiliate* (2022) bagi rantau Oceania. Namun begitu, bilangan *affiliate* Malaysia bagi kedua-dua rantau ini meningkat semula pada tahun 2023 iaitu 265 *affiliate* (Amerika) dan 173 *affiliate* (Oceania).

Pada tahun 2023, terdapat penurunan bagi bilangan *affiliate* Malaysia di rantau Afrika, iaitu daripada 98 *affiliate* (2022) kepada 90 *affiliate* (2023).

Carta 1: Bilangan *Affiliate* mengikut Rantau Asia dan Negara ASEAN, 2019-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1 menunjukkan bilangan *affiliate* Malaysia di Asia yang sentiasa menunjukkan pertumbuhan dalam tempoh lima tahun ini, bermula pada tahun 2019 hingga 2023. Berbanding pada tahun 2019, bilangan *affiliate* Malaysia di Negara ASEAN meningkat sebanyak 2.6 peratus, iaitu daripada 975 *affiliate* kepada 1,000 *affiliate* pada tahun 2023. Bilangan *affiliate* Malaysia di Negara ASEAN mewakili 60.0 peratus daripada jumlah keseluruhan *affiliate* Malaysia di Asia. Sehubungan dengan itu, *affiliate* Malaysia di negara ASEAN telah menyumbang 41.6 peratus terhadap keseluruhan *affiliate* pada tahun 2023.

b) Statistik *Outward FATS*: Perolehan

Jadual 2: Perolehan *Affiliate* mengikut Rantau, 2019-2023

Tahun	Rantau (RM bilion)					Jumlah
	Asia	Oceania	Eropah	Amerika	Afrika	
2019	188.9	23.5	56.7	22.1	44.0	335.2
2020	164.4	39.5	54.6	26.3	35.9	320.5
2021	171.5	38.8	57.0	29.4	37.5	334.1
2022	201.1	20.2	65.6	45.9	8.2	341.0
2023	198.8	55.6	47.1	32.9	8.9	343.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya, *affiliate* Malaysia di luar negeri merekodkan peningkatan perolehan yang signifikan pada tahun 2023 berbanding tahun 2019, iaitu rantau Asia (RM198.8 bilion), Oceania (RM55.6 bilion) dan Amerika (RM32.9 bilion).

Rantau Asia mencatatkan perolehan yang paling tinggi berbanding rantau lain selama lima tahun berturut daripada tahun 2019 sehingga 2023. Perkara ini menggambarkan Asia sebagai penyumbang utama bagi perolehan *affiliate* Malaysia sepanjang tempoh tersebut.

Bermula tahun 2022, berlaku penurunan yang ketara bagi perolehan *affiliate* Malaysia di rantau Oceania dan Afrika, iaitu RM38.8 bilion (2021) kepada RM20.2 bilion (2022) bagi rantau Oceania dan daripada RM37.5 bilion (2021) kepada RM8.2 bilion (2022) bagi rantau Afrika. Namun begitu, perolehan *affiliate* Malaysia di Oceania dan Afrika meningkat semula pada tahun 2023 iaitu RM55.6 bilion (Oceania) dan RM8.9 bilion (Afrika).

Bagi tahun 2023, berlaku penurunan dalam perolehan *affiliate* Malaysia bagi rantau Asia, Eropah dan Amerika, iaitu daripada RM201.1 bilion (2022) kepada RM198.8 bilion (2023) bagi rantau Asia, RM65.6 bilion (2022) kepada RM47.1 bilion (2023) bagi rantau Eropah dan daripada RM45.9 bilion (2022) kepada RM32.9 bilion (2023) bagi rantau Amerika.

Carta 2: Perolehan *Affiliate* mengikut Rantau Asia dan Negara ASEAN, 2019-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2 menunjukkan perolehan *affiliate* Malaysia di Asia dan negara-negara ASEAN dalam tempoh lima tahun ini, bermula 2019 hingga 2023. Berbanding pada tahun 2019, perolehan *affiliate* Malaysia di negara ASEAN telah bertambah sebanyak 18.8 peratus iaitu daripada RM121.2 bilion kepada RM144.0 bilion pada tahun 2023. Perolehan *affiliate* Malaysia di negara ASEAN mewakili 72.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perolehan *affiliate* Malaysia di Asia. Sehubungan dengan itu, perolehan *affiliate* Malaysia di negara ASEAN telah menyumbang sebanyak 41.9 peratus terhadap jumlah keseluruhan perolehan *affiliate* pada tahun 2023.

3.0 PENUTUP

Sebagai kesimpulan, prestasi *affiliate* Malaysia di luar negeri terutamanya di Asia konsisten merekodkan peningkatan secara keseluruhan dari segi bilangan *affiliate*. Hal ini menunjukkan pencapaian yang baik kerana *affiliate* Malaysia tidak bergantung sepenuhnya kepada ekonomi domestik Malaysia, sebaliknya melangkah ke pasaran dunia yang lebih luas dan global. Walaupun terdapat bilangan *affiliate* yang berkurang di sesetengah rantau dan ASEAN, penutupan *affiliate* ini adalah perlu kerana ia tertakluk kepada kos perbelanjaan pengoperasian, keperluan pasaran dan situasi ekonomi di negara tersebut.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJUKAN

- About Us - MATRADE. (n.d.). [www.matrade.gov.my.https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/corporate-info/about-us](https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/corporate-info/about-us)
- Brouthers, K. D., Chen, L., Li, S., & Shaheer, N. (2022). *Charting New Courses To Enter Foreign Markets: Conceptualization, Theoretical Framework, And Research Directions On Non-Traditional Entry Modes*. *Journal of International Business Studies*, 53(9). <https://link.springer.com/article/10.1057/s41267-022-00521-x>
- Central Statistics Office Ireland. (2021). *Compiling Foreign Affiliates Statistics (OFATS) 2021*. https://www.cso.ie/en/media/csoie/releasespublications/documents/ep/outwardforeignaffiliatesstatistics/2021/Compiling_Foreign_Affiliates_Statistics_OFATS_2021.pdf
- Central Statistics Office Ireland. (n.d.). *Outward Foreign Affiliates Survey*. <https://www.cso.ie/en/methods/surveybackgroundnotes/outwardforeignaffiliatessurvey/#:~:text=The%20target%20population%20for%20outward,resident%20in%20the%20compiling%20country>
- Faridah Jaafar (2012). Hubungan Ekonomi Antarabangsa Periode Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir Mohamad: Suatu Kajian Komparatif. *Sarjana* (Vol. 27, No. 2, December 2012, pp. 23-37).
- Norlida Kamaluddin. (2008). *Factors Contributing to The Performance of Malaysian International Joint Ventures Abroad* [HD62.47. N841 2008 f rb]. www.academia.edu.https://www.academia.edu/84087805/Factors_Contributing_To_The_Performance_Of_Malaysian_International_Joint_Ventures_Abroad_HD62_47_N841_2008_f_rb
- OECD (2011), "Foreign affiliates", in *OECD Science, Technology and Industry Scoreboard 2011*, OECD. Publishing, Paris.
- Petronas Integrated Report, 2023. Diakses pada 24 Oktober 2024, <https://www.petronas.com/integrated-report-2023/assets/pdf/PETRONAS%20Integrated%20Report%202023.pdf>
- Sime Darby Property's Integrated Report 2023. <https://www.simedarbyproperty.com/annualreport2023/>
- UN Statistics Division. (2015). *Manual on Statistics International Trade in Services 2010 (MSITS 2010)*, https://unstats.un.org/unsd/publication/seriesm/seriesm_86rev1e.pdf
- World Trade Organization, Diakses pada 6 November 2024, https://www.wto.org/english/tratop_e/serv_e/cbt_course_e/c1s3p1_e.htm
- Zizah Che Senik, Rosmah Mat Isa, Scott-Ladd, B., & Entrekin, L. (2010). *Influential factors for SME internationalization: Evidence from Malaysia*. 4(2), 285–304.

Malaysian Affiliates Abroad: A Study through Outward FATS Perspective

'Amirah Nur Ahmad; A'in Aqilah Kamarulzaman; Azni Sharlina Zakaria
Balance of Payments Statistics Division, Department of Statistics Malaysia

1.0 INTRODUCTION

Globalisation has significantly broadened the scope for corporations to expand their operations and business activities beyond national borders. Malaysian enterprises are no exception in capitalising on these opportunities. Since the 1980s, the establishment of government-linked companies abroad has been progressively pursued, supported by government policies that were responsive to prevailing economic conditions. During this period, Malaysia also strengthened its foreign policy through economic cooperation with ASEAN, the Non-Aligned Movement (NAM), and South-South Cooperation. These initiatives included exploring untapped markets in partner countries while simultaneously creating investment opportunities for Malaysian private agencies in targeted economies¹.

Among the most notable government-linked corporations to venture abroad is Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), which currently maintains a business portfolio in over 100 countries worldwide (Petronas Integrated Report, 2023). Its overseas ventures span across nations such as Oman, Indonesia, Sudan, Brazil and South Africa, encompassing both the extractive industries and service-related sectors. In parallel, Sime Darby Berhad has also emerged as a leading conglomerate with operations in 17 countries, particularly within the Asia-Pacific region (Sime Darby Annual Report, 2023). Sime Darby has established itself as a global brand of choice in agriculture, industry and services, with a particular emphasis on the automotive sector.

The expansion and achievements of PETRONAS, Sime Darby and other Malaysian subsidiaries abroad must be assessed in terms of economic performance. To measure the economic impact of Malaysia's investments, Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) statistics and Outward Foreign Affiliates Statistics (Outward FATS) are used to provide deeper insights into Malaysia's overseas investments and the economic development of its foreign affiliates.

DIA refers to the investment in the form of financial instruments such as equity and investment fund shares (including reinvestment of earnings) and debt instruments (inter-company loans, trade credits, advances, and others) by Malaysian direct investors in direct investment enterprises. Direct investors are defined as entities in which Malaysian investors, whether individual or company, are able to exercise control or significant influence either through ownership of more than 50 per cent of voting rights or by holding between 10 and 50 per cent of voting power in the foreign enterprise. The conceptual framework and scope of Outward FATS will be examined in greater depth in the subsequent section.

The objective of this paper is to enhance knowledge and understanding of the concept and compilation of Outward FATS statistics and to examine trends in Outward FATS data by region, especially Asia and ASEAN countries. The approach for discussion in this article is based on content analysis, manuals and relevant articles as well as observations of Outward FATS data from 2019 to 2023.

¹ International Economic Relations During the Tenure of Tunku Abdul Rahman and Dr Mahathir Mohamad Mohamad: A Comparative Study

2.0 DISCUSSION

2.1 Concept, Compilation and Significance of Outward FATS Statistics

Compared to Malaysian subsidiaries abroad, which were discussed earlier in a broader sense, the discussion on Outward FATS statistics is more specific and focuses on the performance of affiliates controlled by Malaysian companies. The affiliates refer to the companies operating abroad that are controlled by an ultimate parent companies in Malaysia. The affiliates could be branches, subsidiaries, or joint venture companies. The holding of equity interest is more than 50 per cent.

The affiliates operating outside Malaysia could be owned either by immediate foreign investor and/or by the ultimate controlling institutional unit (UCI). The immediate foreign investor is the immediate parent company of the affiliate, while the UCI is the top parent company in the company's group structure. The UCI is not majority owned by any other company and is considered to be the UCI to an affiliate is consistently greater than 50 per cent. The UCI of an affiliate abroad must operate in Malaysia.

The concept and compilation of statistics on Malaysian affiliates abroad are based on the guidelines provided in the Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010 by the United Nations and the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) published by the International Monetary Fund (IMF).

Outward FATS statistics measure the commercial presence of the affiliates at foreign markets within the framework of international trade in services statistics. The commercial presence of affiliates abroad refers to the business activities conducted by these affiliates in foreign countries. According to BPM6, the commercial affiliates in foreign markets correspond to the mode of supply three (Mode 3).

These economic statistics could assist government agencies, researchers and businessmen in deepening their understanding of the impact of globalisation on international trade, based on the data published. Outward FATS data across countries are also used to assess how much a country's economy depends on foreign economies and the influence of affiliates on host countries. For example, such statistics can reveal the turnover generated by Malaysian affiliates in Indonesia and Singapore, identify the number of employees and employee compensation provided by Malaysian affiliates in the Americas and Oceania and analyse the assets held by Malaysian affiliates in Europe.

2.2 Outward FATS Statistical Analysis in Malaysia

There are five variables provided, which are turnover, employment, compensation of employees, and assets, in addition to the number of affiliates, in the Outward FATS statistics published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). Each of these variables is analysed according to five economic sectors: agriculture, mining & quarrying, manufacturing, construction and services.

In this paper, the discussion will focus on the number of affiliates and turnover by region and ASEAN countries for the five years from 2019 to 2023.

a) Outward FATS Statistics: Affiliates

Table 1: Number of Affiliates by Region, 2019-2023

Year	Region					
	Asia	Americas	Europe	Oceania	Africa	Total
2019	1,547	251	201	140	98	2,237
2020	1,567	263	207	170	71	2,278
2021	1,606	263	215	171	73	2,328
2022	1,651	251	219	141	98	2,360
2023	1,654	265	222	173	90	2,404

Source: Department of Statistics Malaysia


Overall, Malaysian affiliates abroad showed an increase between 2019 and 2023. All region recorded growth in affiliates in 2023, namely Asia (1,654), the Americas (265), Europe (222), Oceania (173) and Africa (90), compared to 2019, as shown in Table 1.

Malaysian affiliates in Asia represented more than two-thirds of the total number of Malaysian affiliates abroad. This indicates the dominance of Malaysian affiliates in Asia over five consecutive years. In 2023, Malaysian affiliates in Asia recorded 1,654 affiliates, an increase of 6.9 per cent compared to 1,547 affiliates in 2019.

However, beginning in 2022, there was a decline in the number of Malaysian affiliates in the Americas and Oceania, from 263 affiliates (2021) to 251 affiliates (2022) in the Americas and from 171 affiliates (2021) to 141 affiliates (2022) in Oceania. Nevertheless, the number of Malaysian affiliates in both regions rose again in 2023 to 265 affiliates (Americas) and 173 affiliates (Oceania).

In 2023, the number of Malaysian affiliates in the Africa region declined from 98 affiliates (2022) to 90 affiliates (2023).

Chart 1: Number of Affiliates by Asia Region and ASEAN Countries, 2019-2023



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 1 shows that Malaysian affiliates in Asia consistently increased over the five-year period from 2019 to 2023. Compared to 2019, the Malaysian affiliates in ASEAN countries rose by 2.6 per cent, from 975 affiliates to 1,000 affiliates in 2023. Malaysian affiliates in ASEAN countries represented 60.0 per cent of the total Malaysian affiliates in Asia. Accordingly, Malaysian affiliates in ASEAN countries contributed 41.6 per cent to the overall affiliates in 2023.

b) Outward FATS Statistics: Turnover

Table 2: Turnover of Affiliates by Region, 2019-2023

Year	Region (RM billion)					Total
	Asia	Oceania	Europe	Americas	Africa	
2019	188.9	23.5	56.7	22.1	44.0	335.2
2020	164.4	39.5	54.6	26.3	35.9	320.5
2021	171.5	38.8	57.0	29.4	37.5	334.1
2022	201.1	20.2	65.6	45.9	8.2	341.0
2023	198.8	55.6	47.1	32.9	8.9	343.3


Source: Department of Statistics Malaysia

Based on Table 2, Malaysian affiliates abroad recorded a significant increase in overall turnover for 2023 as compared to 2019, namely Asia (RM198.8 billion), Oceania (RM55.6 billion) and the Americas (RM32.9 billion).

The Asian region recorded the highest turnover compared to other regions for five consecutive years from 2019 to 2023. This highlights Asia as the main contributor to the turnover of Malaysian affiliates throughout the period.

Starting in 2022, there was a sharp decline in the turnover of Malaysian affiliates in Oceania and Africa, from RM38.8 billion (2021) to RM20.2 billion (2022) in Oceania, and from RM37.5 billion (2021) to RM8.2 billion (2022) in Africa. Nevertheless, the turnover of Malaysian affiliates in Africa rebounded in 2023, amounting to RM8.9 billion.

In 2023, there was a decline in the turnover of Malaysian affiliates in Asia, Europe and the Americas, from RM201.1 billion (2022) to RM198.8 billion in Asia, from RM65.6 billion (2022) to RM47.1 billion (2023) in Europe, from RM45.9 billion (2022) to RM32.9 billion (2023) in the Americas.

Chart 2: Turnover of Affiliates by Asia Region and ASEAN Countries, 2019-2023

Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2 shows that the turnover generated by Malaysian affiliates in Asia over the five-year period from 2019 to 2023. Compared to 2019, the Malaysian affiliates' turnover in ASEAN countries grew by 18.8 per cent, from RM121.2 billion to RM144.0 billion in 2023. The turnover attributed to Malaysian affiliates in ASEAN countries represented 72.4 per cent of the total turnover of Malaysian affiliates in Asia. Accordingly, the Malaysian affiliates' turnover in ASEAN countries contributed 41.9 per cent to the overall turnover in 2023.

3.0 CONCLUSION

In conclusion, the performance of Malaysian affiliates abroad, particularly in Asia, has consistently recorded overall growth in number of affiliates. This reflects a positive achievement, as Malaysian affiliates are not solely dependent on Malaysia's domestic economy but are expanding into wider and more global markets. Although the number of affiliates has declined in certain regions and ASEAN countries, such closures are necessary as they are subject to operating costs, market demands and the economic situation in the respective countries.

DISCLAIMER

The views expressed are those of the author and do not necessarily represent the views of the Department of Statistics Malaysia

REFERENCES

- About Us - MATRADE. (n.d.). [www.matrade.gov.my.https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/corporate-info/about-us](https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/corporate-info/about-us)
- Brouthers, K. D., Chen, L., Li, S., & Shaheer, N. (2022). Charting new courses to enter foreign markets: Conceptualization, theoretical framework, and research directions on non-traditional entry modes. *Journal of International Business Studies*, 53(9). <https://link.springer.com/article/10.1057/s41267-022-00521-x>
- Central Statistics Office Ireland. (2021). Compiling Foreign Affiliates Statistics (OFATS) 2021. https://www.cso.ie/en/media/csoie/releasespublications/documents/ep/outwardforeignaffiliatesstatistics/2021/Compiling_Foreign_Affiliates_Statistics_OFATS_2021.pdf
- Central Statistics Office Ireland. (n.d.). Outward Foreign Affiliates Survey. <https://www.cso.ie/en/methods/surveybackgroundnotes/outwardforeignaffiliatessurvey/#:~:text=The%20target%20population%20for%20outward,resident%20in%20the%20compiling%20country>
- Faridah Jaafar (2012). Hubungan Ekonomi Antarabangsa Periode Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir Mohamad: Suatu Kajian Komparatif. *Sarjana* (Vol. 27, No. 2, December 2012, pp. 23-37).
- Norlida Kamaluddin. (2008). Factors Contributing to The Performance of Malaysian International Joint Ventures Abroad [HD62.47. N841 2008 f rb]. [www.academia.edu.https://www.academia.edu/84087805/Factors_Contributing_To_The_Performance_Of_Malaysian_International_Joint_Ventures_Abroad_HD62_47_N841_2008_f_rb](https://www.academia.edu/84087805/Factors_Contributing_To_The_Performance_Of_Malaysian_International_Joint_Ventures_Abroad_HD62_47_N841_2008_f_rb)
- OECD (2011), "Foreign affiliates", in *OECD Science, Technology and Industry Scoreboard 2011*, OECD. Publishing, Paris.
